

# CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Bil. 21 Tahun 2

September 1995

ISSN 0128-8431

## Zero Inflation Benefits All - PM

Malaysia continues to record impressive rates of growth averaging more than eight (8) percent per annum over the last eight years. Like all countries, Malaysia faces inflationary pressures, with inflation around four (4) percent per annum.

Inflation has been variously defined but it is generally accepted to mean an increase in the price of goods and services over time. However, the Consumer Price Index (CPI) recognises that the increase in prices *per se* does not concern us as much as the increase in the prices of certain essentials. Clearly, when we talk of inflation we are concerned with the rise in prices of the essential needs of the average citizen.

The fault of the CPI arises from the need to make worldwide comparisons. Obviously, this is quite meaningless because the essentials in a developed country may be regarded as luxuries in a developing country. For the purposes of our campaign for zero inflation, it would be better if we determine what should be in our CPI baskets. These items must reflect the real needs of the average Malaysian. If the prices of these necessities remain stable then we can say we have achieved zero inflation. This is more relevant to our people although the rest of the world may not agree.

If we are to aim for zero inflation, we can only do so if we can overcome our obsession with incomes in figures or exchange rates, but instead focus on purchasing power. It is just not worthwhile to have more money only to be able to buy less goods and services.

Any increase in the consumers income will enable him to consume more, not necessarily of the same thing of course. If he does not have an increase in income, he will not be worse off. If his income shrinks he will not be as badly off as when the prices go up i.e. inflation. Of course, if prices go down he would be better off. Even the supplier would eventually be better off, for although his profit may decrease, the cost of living too would go down. Clearly, static prices or zero inflation

benefits all of us, for we are all consumers.

There is also a belief that economic growth, especially high growth, must cause inflation. If this is true then surely the answer lies in increasing the supply of goods, including the variety.

The other strategy is to increase the interest rates, the effect of which is to increase cost and actually to cause inflation. If we do not want inflation induced by growth, why should we prefer inflation induced by a deliberate increase in interest rates? In any case, what good is an increase in income if it cannot increase the purchasing power. It would be far better if the prices and the income remain static.


So, if one really cannot control inflation through currency devaluation or revaluation, or through manipulating the interest rates or indeed through limiting growth, what can one do, especially when the target is so ambitious as to achieve zero inflation?

In the first place, we must be realistic and limit zero inflation to those goods and services which are really basic necessities for a reasonable standard of living.

Secondly, it is necessary for everyone, in particular wage-earners and traders, to understand that more money does not mean more wealth. In an inflationary situation purchasing power will diminish. It is therefore important that income increases should not cause inflation, whether the income is in the form of



YAB. Dato Seri  
Dr. Mahathir Mohamad



# Pengguna Muda Harapan Negara

Setiap kali kita membeli atau menggunakan barangan atau perkhidmatan, kita menjadi pengguna. Sama ada kita pekerja, surirumah, pesara atau pelajar, kita adalah pengguna. Kuasa beli atau kemampuan membeli kita mungkin berbeza, namun kita tetap pengguna.

Dalam keadaan perdagangan yang semakin pesat berkembang, pengguna terpaksa lebih berwaspada dan berusaha meningkatkan tahap pengetahuan kepenggunaannya. Setakat ini, pendidikan pengguna banyak ditumpukan kepada orang dewasa. Sudah tiba masanya kita menumpukan perhatian kepada golongan yang akan mempunyai keupayaan membeli yang paling besar pada masa hadapan, iaitu pelajar-pelajar sekolah. Golongan remaja akan melangkah ke abad-21 sebagai pengguna yang perlu membuat keputusan membeli yang bijak.

Pengetahuan dan pendidikan kepenggunaan yang kita berikan kepada mereka pada hari ini akan menentukan taraf pengguna masa depan. Kita ingin membangun pengguna yang bukan sahaja tahu hak-hak mereka sebagai pengguna tetapi sanggup menuntut hak-hak mereka.

Kita inginkan pengguna yang proaktif. Pengguna ini tidak akan tunggu sehingga ditipu sebelum mengambil tindakan. Dia akan sentiasa berwaspada sebelum dan semasa membeli atau menggunakan sesuatu barangan atau perkhidmatan.

Pelajar-pelajar sekolah hari ini mempunyai banyak peluang untuk berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti kepenggunaan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memberi bantuan kepada kelab-kelab pengguna sekolah menerusi Majlis-Majlis Hal

Ehwal Pengguna Negeri. Bantuan ini berupa sumbangan kewangan, bahan-bahan penerbitan yang berkaitan dengan kepenggunaan, nasihat dan sebagainya.

Sekolah-sekolah digalakkan menubuhkan kelab-kelab pengguna.

Dalam usaha ini, inisiatif dan komitmen pihak pengurusan sekolah merupakan faktor penting. Sebagai golongan yang paling hampir dengan pelajar-pelajar mereka harus menerajui penubuhan kelab-kelab pengguna. Pelajar-pelajar mungkin berminat tetapi kurang tahu prosedur-prosedur penubuhan Kelab Pengguna. Guru-guru selaku penasihat kelab boleh membimbing pelajar-pelajar dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kepenggunaan. Kelab-kelab Pengguna yang ada perlu menggiatkan lagi aktiviti-aktiviti kepenggunaan mereka.

Saya menyeru kepada pelajar-pelajar untuk meningkatkan pembacaan tentang isu-isu kepenggunaan di samping menyertai aktiviti-aktiviti Kelab Pengguna. Pendidikan asas dalam bidang kepenggunaan akan membimbing anda menjadi pengguna yang unggul.



Y.Bhg. Datuk Samsudin Osman

Penasihat

YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

## Sidang Redaksi

Ketua Pengarang

Y.Bhg. Datuk Samsudin Osman

Penasihat Pengarang

Encik Mohd Hamdan Adnan

Dr. Sothi S. Rachagan

Encik Bisan Singh Bahadur

Pengarang

Encik Mohamed Iqbal Mohd Shafi

Encik Zulkipli Abu Bakar

Penolong Pengarang

Encik Lim Ming Lee

Puan P. Jayanthi

Pengedar: FOMCA

Warta CERMAT merupakan projek usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA dan diterbitkan secara bulanan. Sumbangan rencana, berita dan surat boleh dihantar kepada:

Ketua Pengarang

Warta CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

dan Hal Ehwal Pengguna,

Bahagian Hal Ehwal Pengguna,

Tingkat 23, Menara Maybank,

100, Jalan Tun Perak

50050 Kuala Lumpur

Tel: 03-2329955

Fax: 03-2389558

# Menangani Masalah Kekurangan Bekalan Simen

Disediakan oleh:  
Bhg. Perdagangan Dalam Negeri

Kekurangan bekalan simen berlaku setiap tahun. Bagaimanapun, pada tahun ini ia menjadi begitu hebat kerana berlaku sejak April lagi sedangkan pada tahun-tahun sebelumnya, kekurangan bekalan dikesan pada penghujung tahun, iaitu apabila pemaju dan kontraktor binaan terdesak untuk menyiapkan projek sebelum Tahun Baru Cina atau sebelum akaun kewangan Kerajaan ditutup.

Pendekata, kekurangan bekalan simen bagi tahun-tahun sebelumnya bersifat sementara dan berpunca daripada ketidakupayaan pengeluar memenuhi keperluan akibat permintaan yang tinggi bagi sesuatu masa yang tertentu.

Kementerian ini menganggarkan bahawa permintaan terhadap simen meningkat 14 peratus berbanding 1994 berasaskan pertumbuhan biasa sektor pembinaan, iaitu dari 9.94 juta tan kepada 10.18 juta tan. Meskipun begitu, kilang tempatan hanya mampu mengeluarkan 9.96 juta tan sahaja berdasarkan keupayaan operasi kilang 88 peratus. Ini bermakna, terdapat kekurangan sebanyak 220,000 tan sepanjang tahun 1995. Anggaran ini dikatakan tidak tepat kerana arah aliran permintaan terus meningkat mulai Mei 1995.

Kementerian ini menganggarkan kadar permintaan akan kekal melebihi 14 peratus dan dengan itu jumlah kekurangan adalah seperti di Jadual I dan II.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menangani masalah kekurangan bekalan simen. Langkah-langkah jangka pendek adalah seperti berikut:

- i) menggalakkan pengimportan di mana tiada sekatan dan tariff dikenakan dengan syarat simen import hendaklah menepati kualiti simen tempatan, iaitu MS522:89 atau BS12/78;
- ii) semua agensi Kerajaan diminta memberi kerjasama bagi membantu pengimport-pengimport membawa masuk simen dengan mudah;
- iii) menentukan kuota pembahagian dan

**Jadual I**  
Anggaran Bekalan dan Permintaan Simen di Malaysia  
1996 hingga 1998 (juta tan)

Tahun	Kapasiti simen	Bekalan	Permintaan	Lebih/(Kekurangan) (14 %)
1995	11.32	9.93	10.18	(0.25)
1996	13.12*	11.55	11.61	(0.06)
1997	13.12	11.55	13.24	(1.69)
1998	15.52**	13.66	13.24	(1.43)
	21.37***	18.81	15.09	3.72

**Catatan:**

a) Anggaran bekalan berasaskan 88 % kadar efisiensi kilang simen mulai 1995

b) \* Pertambahan kapasiti kilner dan simen sebanyak 1.8 juta tan apabila Kedah Cement Sdn. Bhd. memulakan pengeluaran pada tahun 1996.

\*\* Pertambahan kapasiti kilner dan simen sebanyak 2.28 juta tan apabila Pahang Cement Sdn. Bhd. dan Negeri Sembilan Cement Industries Sdn. Bhd. memulakan pengeluaran pada tahun 1998. Projek ini dijangka dilaksanakan pada akhir 1995 atau awal 1996.

\*\*\* Pertambahan kapasiti kilner dan simen berasaskan andaian bahawa Kilang APMC, Tasek Cement dan Perak Hanjoong melaksanakan program pembesaran kilang pada tahun ini atau tahun hadapan dan memulakan pengeluaran pada tahun 1998.

**Jadual II**  
Anggaran Kekurangan Simen  
Mengikut Kadar Peningkatan Permintaan yang Berubah-ubah (juta tan)

% Kadar Permintaan	1995	1996	1997	1998
14 %	0.25	0.06	1.69	1.43
18 %	0.61	0.86	3.13	3.66
20 %	0.79	1.31	3.88	4.86

pengedaran simen bagi setiap negeri dan menghendaki semua transaksi simen di semua peringkat membuat pernyataan jualan supaya pembahagian simen ke seluruh negeri lebih adil; dan menjalankan siasatan ke atas premis-premis bagi membanteras penyorokan, kegiatan peniaga-peniaga tanpa lesen dan sebagainya.

Langkah jangka panjang Kerajaan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran pula ialah dengan memberi galakan kepada pengeluar-pengeluar tempatan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran atau membuka kilang-kilang baru. Setakat ini, Kerajaan telah meluluskan Elaun Cukai Pelaburan kepada semua pengilang yang ingin membuat pembesaran kapasiti dan pelabur yang ingin membuka kilang baru. Kerajaan juga sedang mengkaji langkah-langkah lain yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan bekalan simen dan menggalakkan pertumbuhan industri simen.

# Peranan Biro Pengantaraan Insurans

Fikiran anda semakin kusut. Anda yang masih tergamam daripada kemalangan yang berlaku dua minggu lepas, makin bercelaru apabila menerima surat daripada syarikat insurans yang menolak tuntutan yang dibuat. Sebagai pengguna, apatah lagi menggunakan kenderaan sebagai alat pengangkutan utama, situasi sebegini tentunya mendukacitakan.

Dengan perkembangan ekonomi yang pesat, boleh dikatakan bahawa segenap lapisan masyarakat mampu memiliki kenderaan sendiri, sekurang-kurangnya, motosikal. Jadi, membeli insurans kenderaan adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

Justeru itu, perkara-perkara yang melibatkan insurans berkenaan juga tidak dapat lari daripada masalah-masalah pengguna yang berkaitan dengannya. Namun, berapa ramaikah di antara kita yang menyedari wujudnya sebuah badan yang dikenali sebagai Biro Pengantaraan Insurans (BPI); yang objektifnya adalah untuk



*...perkhidmatan ini (Biro) sehingga kini diberi secara percuma...Dato' Wan Ismail Salleh*

*"Pengguna bukan sahaja boleh membuat aduan mengenai ketidakpuasan mereka mengenai soal-soal bayaran tetapi mereka juga boleh mengadu sekiranya syarikat insurans melengahkan tuntutan atau menolak terus tuntutan tanpa sebab-sebab yang munasabah"*

membantu pengguna menyelesaikan apa-apa aduan, pertikaian dan tuntutan di antara pemegang polisi dengan syarikat insurans. Cuma, syaratnya, syarikat insurans berkenaan adalah ahli Biro.

Pengerusi Biro Pengantaraan Insurans, Encik Michael Wong Teck Kat berkata, antara lain fungsi Biro ini ialah sebagai pengantara (*mediator*), jika timbul sebarang masalah berhubung insurans am sahaja (tidak melibatkan insurans nyawa).

Biro ini mempunyai seorang **Pengantara**, iaitu **Dato' Wan Ismail Salleh**. Beliau dipertanggungjawabkan untuk meneliti atau menyasiat dan seterusnya membuat keputusan mengenai aduan, pertikaian atau tuntutan yang diterimanya daripada pengguna.

"Pengguna bukan sahaja boleh membuat aduan mengenai ketidakpuasan mereka mengenai soal-soal bayaran tetapi mereka juga boleh mengadu sekiranya syarikat insurans melengahkan tuntutan atau menolak terus tuntutan tanpa sebab-sebab yang munasabah," jelas Dato' Wan Ismail.

Walau bagaimanapun, katanya lagi, perkara itu perlulah dirujuk terlebih dahulu kepada pengurusan atasan syarikat insurans



**Kenderaan: Setiap pemiliknya perlu mempunyai insurans.**

berkenaan bagi memberi peluang mereka membuat penyelesaian terakhir. Jika masih tidak berpuas hati, aduan bolehlah dibuat kepada Pengantara dalam tempoh enam (6) bulan selepas keputusan terakhir tadi diterima. Prosedurnya cukup mudah; anda hanya perlu menulis surat kepada Pengantara dengan memberikan sedikit keterangan mengenai aduan. Jika beliau berpendapat aduan itu layak diuruskan, anda berkemungkinan diminta mengemukakan kepadanya (Pengantara) segala dokumen yang relevan.

BPI ditubuhkan pada Ogos 1991 oleh sekumpulan syarikat insurans am dengan tujuan mewujudkan satu mekanisma berkawalan sendiri untuk mencari penyelesaian dengan cepat.

"Kaedah ini dapat dilakukan dengan cepat dan kurang belanja. Tambahan pula perkhidmatan ini (Biro) sehingga kini diberi secara percuma," kata **Dato' Wan Ismail**.

Statistik menunjukkan bahawa pada 1994, jumlah aduan yang diterima adalah lebih kurang 50 peratus lebih banyak dari tahun sebelumnya (Biro hanya mula beroperasi pada Oktober 1992 - lihat Jadual I). Sementara itu, aduan yang membabitkan insurans kenderaan juga adalah yang tertinggi berbanding insurans am yang lain, iaitu sebanyak 81 peratus bagi kedua-dua tahun 1993 dan 1994.

Meskipun begitu, angka-angka tersebut masih tidak memuaskan kerana Biro berpendapat masih wujud apa yang dikatakan 'kurang kesedaran' di kalangan pengguna supaya menggunakan perkhidmatan ini. Justeru itu, ada pengguna yang membuat aduan terus kepada Ketua Pengarah Insurans dan kemudiannya

dirujuk kepada Biro.

Oleh hal yang demikian, sejumlah 125,000 risalah telah diedar menerusi syarikat insurans, ejen-ejenjnya, bengkel yang diluluskan oleh Persatuan Insurans Am (PIAM), pihak berkuasa tempatan, Biro Bantuan Guaman dan cawangannya serta Biro Pengaduan Awam. Manakala, lebih kurang 2,000 poster juga diedar untuk dipamerkan.

Tanggapan bahawa Pengantara akan menyebelahi syarikat insurans perlulah dikikis kerana Pengantara bertindak sebagai kaunselor, pendamai atau penimbang tara yang akan menjalankan tugasnya dengan adil berdasarkan siasatan, mematuhi undang-undang dan amalan insurans serta pemasaran yang baik.

Meskipun begitu, sebagai pemegang polisi, anda tidak terikat dengan keputusan yang dibuat oleh Pengantara serta bebas untuk menerima atau menolak keputusan itu. Jika anda menerimanya, syarikat insurans perlu membayar 'award' yang diputuskan oleh Pengantara (maksimum RM100,000) dalam masa 30 hari.

Jika anda tidak menerima pula, anda bebas menjalankan prosiding dalam mahkamah dengan merujuknya untuk penimbangan.

Menurut **Dato' Wan Ismail**, sebagai pemegang polisi, pengguna harus sedar betapa pentingnya untuk membaca dan seterusnya memahami peruntukan dalam polisi sebelum menandatangani.

Di samping itu, sebarang kemalangan yang berlaku juga haruslah dilaporkan kepada pihak insurans pada kadar yang segera untuk memudahkan tindakan diambil.

"Saya berharap semakin ramai pengguna menyedari bagaimana Biro dapat membantu mereka; iaitu cara baru yang ditadbir oleh badan bebas yang pertama seumpamanya di negara kita serta mendapat sokongan daripada syarikat-syarikat insurans," kata **Dato' Wan Ismail** mengakhiri perbualan.

**Jadual I**

**Jumlah Aduan Yang Diterima**

Tahun	Jumlah	Membabitkan Insurans Kenderaan
1993	37	30
1994	58	47

# FOMCA dan Objektif Penubuhannya

**G**abungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) merupakan sebuah pertubuhan yang bebas dari sebarang ikatan, tidak bertujuan mencari keuntungan, sukarela dan tidak berunsur politik. FOMCA turut menyertai dan menyelaras kegiatan 12 ahli-ahli pertubuhannya yang lain. Sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan dalam usaha untuk mendapatkan maklumat, pendidikan dan perlindungan kepada semua, sama ada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa.

Matlamatnya yang utama bukan hanya 'nilai untuk wang' tetapi juga 'nilai untuk manusia'. Ia berazam untuk memajukan sosio-ekonomi dan keadilan alam sekitar untuk keadaan hidup yang lebih baik bagi semua orang.

Sehubungan itu, FOMCA mempunyai tiga tujuan atau objektif yang utama:

**1** Bertindak sebagai satu badan perunding dan penyelaras antara ahli-ahli gabungannya dan mewakili mereka sebagai satu badan kebangsaan dengan pihak Kerajaan, swasta dan peringkat antarabangsa.

**2** Sebagai satu badan pengguna tersendiri berusaha memberi maklumat, pendidikan dan perlindungan kepada para pengguna.

**3** Berusaha memperkukuhkan dan memperluaskan lagi pembangunan dan

perkembangan pergerakan pengguna di Malaysia.

Atas hakikat inilah maka, FOMCA sebagai badan pengguna kebangsaan, bertanggungjawab dalam memperjuangkan hak-hak para pengguna dan semua ahli gabungannya yang memerlukan perwakilan pengguna di peringkat kebangsaan.

Di samping itu, FOMCA juga sentiasa berazam memperolehi maklumat yang benar dan yang berasas supaya kepentingan para pengguna dan konsep keadilan terjamin. Malahan, FOMCA turut menjalankan siasatan, kajian dan ujian terhadap isu-isu yang berkaitan kepenggunaan dari semasa ke semasa untuk menguatkan lagi perjuangannya. Pada waktu yang sama, FOMCA melaksanakan program pendidikan pengguna bertujuan memberi kesedaran dan kemahiran kepada pengguna dalam usaha meningkatkan lagi pengetahuan dan perlindungan pengguna.

Keahlian FOMCA terdiri daripada persatuan-persatuan pengguna negeri yang bergabung di bawah FOMCA, iaitu Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan, Persatuan Pengguna Pahang, Persatuan Pengguna N. Sembilan, Persatuan Pengguna Melaka, Persatuan Pengguna Kelantan, Persatuan Pengguna Sabah, Persatuan Pengguna Taiping, Persatuan Pengguna Kedah, Persatuan Pengguna Johor, Persatuan Pengguna Perak, Persatuan Pengguna Sarawak dan Persatuan Pengguna Terengganu.

## Mengenali Fungsi FOMCA

- Badan Pengguna Kebangsaan
- Badan Penyelaras
- Badan Maklumat
- Badan Siasatan, Kajian dan Ujian
- Badan Pendidikan
- Badan Bertindak

Persatuan-persatuan dan Kelab-kelab Pengguna di seluruh negara dipelawa menyumbang mengenai sebarang kegiatan masing-masing dalam bentuk artikel dan gambar untuk dimuatkan dalam ruangan ini. Semua sumbangan hendaklah dialamatkan kepada: Ketua Pengarang CERMAT, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna, Tingkat 23, Menara Maybank, 50050 K. Lumpur.

## Pentingnya Waranti Kepada Pengguna

**W**aranti atau jaminan mempunyai pengertian yang sama. Dalam konteks kepenggunaan, ia bermakna pengeluar atau pembekal berjanji untuk memperbaiki atau mengganti sesuatu keluaran dalam tempoh yang ditetapkan sekiranya ia cacat atau rosak. Namun begitu, banyak waranti yang tidak ditepati oleh pengeluar atau pembekal berkenaan.

Biasanya, waranti tidak akan dipatuhi apabila dibuat secara lisan kerana ia dianggap tidak sah dan sukar untuk dibuktikan. Oleh itu, pengguna perlu mendapatkan waranti secara bertulis supaya tidak ditipu.

Pengguna juga perlu memastikan penjual yang menandatangani jaminan tersebut mempunyai kuasa atau layak berbuat demikian supaya waranti itu sah dan pengguna berhak mendapat sebarang pampasan.

Keengganan penjual untuk memberi waranti mungkin berpunca daripada beberapa sebab iaitu:

- # Barangan atau keluaran tersebut kurang atau langsung tidak bermutu.
  - # Keluaran tersebut adalah barang curian.
  - # Barangan tersebut diseludup masuk dari negara-negara jiran.
  - # Barangan tersebut adalah tiruan.
  - # Barangan tersebut telah diperbaiki semula dan dijual seperti barangan baru.
- Masalah mengenai waranti sering berlaku



**Pastikan anda memperolehi waranti terhadap barangan yang dibeli, terutama barangan elektrik.**

kerana pengguna gagal membaca dengan teliti dan memahami dengan jelas syarat-syarat waranti yang diberi oleh peniaga atau pengeluar.

Oleh itu, untuk memastikan waranti dipatuhi dan pengguna tidak tertipu, pengguna bukan sahaja perlu memahami setiap waranti yang diberikan, malah harus juga mengambil tindakan-tindakan yang diperlukan seperti berikut:

- # Mengisi dengan lengkap kad jaminan.
- # Mengembalikan kad jaminan kepada syarikat yang memberikan waranti dalam tempoh yang ditetapkan.

Kegagalan pengguna mematuhi peraturan-peraturan tersebut menyebabkan jaminan yang diberikan tidak boleh dikuatkuasakan. Dengan kata lain, pengguna tidak berhak terhadap jaminan yang diberikan kepada barangan yang berkenaan.

### Memahami Kuasa Beli Pengguna

**K**uasa beli ialah kemampuan pengguna untuk memperolehi barangan dan perkhidmatan dengan pendapatan boleh gunanya. Ia juga merujuk nilai wang dan jumlah barangan dan perkhidmatan yang dapat dibeli dengan satu

unit mata wang. Beberapa unsur yang mempengaruhi kuasa beli pengguna ialah:

- \* Harga barangan dan perkhidmatan.
- \* Permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan.
- \* Pendapatan pengguna.
- \* Cita rasa Pengguna.

Sehubungan itu, adalah penting setiap pengguna memahami kuasa beli masing-masing. Kebijaksanaan pengguna dalam menggunakan kuasa beli akan dapat membantu mereka menambah nilai terhadap perbelanjaan, sekaligus memberi erti kepada pendapatan mereka.

## Sambungan dari hal.... 1

wages or profit margins, or earnings in whatever form. This is possible if income increases are accompanied by a comparable increase in productivity i.e. increase in income does not affect unit cost.

With increase in earnings all round through higher productivity and increased volume of business, consumption would go up. It is assumed that there will be more money chasing less goods. But in the present world of plenty, there should really be no shortage of goods or services.

There should therefore be no increases in prices, remembering of course that we are concerned only with basic necessities, not luxuries. This is because the retail price in Malaysia includes a lot of Malaysian costs which have not gone up.

The Government has a big role to play here. Price control of certain necessities must go on even if there is no shortage. Taxes and other instruments of the government should be used to limit price movements in whatever direction.

When we talk about zero inflation, we must understand that we are demanding for a stable currency, not so much in terms of exchange rates but in terms of domestic purchasing power. If we appreciate this then the road to zero inflation will be facilitated by good cooperation from all parties, wage-earners, traders and the Government.

*Petikan ucapan  
YAB. Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri di "National Summit On Achieving Zero Inflation" pada 12 September 1995 lalu.*

**Disenaraikan nombor telefon Bahagian-bahagian dan Pejabat-pejabat Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pejabat-pejabat Penguatkuasa di Ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN). Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.**

### **Bahagian Penguatkuasa:**

Bilik Gerakan K. Lumpur  
Wilayah Persekutuan K. Lumpur  
Kuala Lumpur (Ibu Pejabat)

03-4436888/03-4437888  
03-4423555  
03-4433666

### **Perlis**

Kangar: 04-9761478

### **Kedah**

Alor Star: 04-7339062

Sg. Petani: 04-4213400

Langkawi: 049660420

### **Pulau Pinang**

P. Pinang: 04-2616168

Seberang Prai: 04-317500

### **Perak**

Ipoh: 05-2555001

Taiping: 05-8075044

Teluk Intan: 05-6227967

### **Selangor**

Shah Alam: 03-5595544

Kajang: 03-8367444

K. Kubu Baru: 03-8042495

### **Wilayah Persekutuan**

K. Lumpur: 03-4423555

Labuan: 089-417669

### **N. Sembilan**

Seremban: 06-730911

### **Melaka**

Melaka: 06-2820422

### **Johor**

Johor Bahru: 07-2234699

Kluang: 07-736877

Muar: 06-9522709

Mersing: 07-7994211

### **Pahang**

Kuantan: 09-523451

Temerloh: 09-2961688

Raub: 09-3551670

### **Terengganu**

K. Terengganu: 09-6221234

Kemaman: 09-8591919

### **Kelantan**

Kota Bharu: 09-7481117

Kuala Krai: 09-9666368

### **Sabah**

K. Kinabalu: 088-235702

Sandakan: 089-668291

Tawau: 09-776690

### **Sarawak**

Kuching: 082-245202

Sibu: 084-331931

Miri: 085-412862

Bintulu: 086-332176

### **Pejabat-Pejabat Pendaftaran Perniagaan**

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7318277

Butterworth 04-3327793

Kota Bharu 09-7484599

Kuantan 09-553600

K. Terengganu 09-6237170

Johor Bharu 09-2244710

Melaka 06-2821822

### **Bahagian Harta Intelek**

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-2329955

Kota Kinabalu 088-233571

Kuching 089-428499

**Bhg. Hal Ehwal Pengguna** 03-2329955

**Bhg. Perdagangan Dalam Negeri** 03-2329955

### **Pejabat-Pejabat Pendaftaran Syarikat**

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7330111

P. Pinang 04-3332081

Ipoh 05-2416900

Kuantan 09-553866

Kota Bharu 09-7482860

Kota Kinabalu 088-233346

Kuching 082-428499

Labuan 089-414100

